

04/04/2000

Penonton merosot harus jadi pengajaran buat SIC

EDISI ke-10 Grand Prix Motosikal Malaysia di Sepang kelmarin harus menjadi pengajaran terbaik bagi promoter tempatan, Sepang International Circuit (SIC).

Ini kerana kemerosotan jumlah penonton begitu mendadak sehingga gagal menyamai angka tahun lalu, apatah lagi untuk mencapai matlamat 40,000 orang tahun ini.

Di manakah silapnya? Barangkali SIC tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya tetapi mereka perlu memikirkan secara mendalam bagi mencari puncanya.

Memang ketika Malaysia Aiports Berhad (MAB) muncul selaku penganjur Grand Prix Malaysia buat julung kali pada 1997, ia disaksikan kira-kira 40,000 orang. Malah, jumlah itu adalah yang terbesar berbanding penganjuran sebelumnya.

Namun, hanya 18,000 penonton yang menyaksikan perlumbaan kelmarin.

Dari segi usia Grand Prix Motosikal Malaysia, ia seharusnya sudah matang. Lebih-lebih lagi selepas tujuh perlumbaan diadakan di Shah Alam, diikuti satu di Johor dan tahun lalu pertama kali dipersembahkan di Litar F1 Sepang.

Pegawai-pegawai SIC menganggap perlumbaan berkenaan memuaskan walaupun jumlah penonton merosot.

Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya harga tiket dikaji semula berikutan rungutan bahawa ia terlalu mahal, harus mendapat pertimbangan.

Sehubungan itu, SIC perlu memberi keutamaan sama rata terhadap kedua-dua acara bertaraf dunia anjurannya - baik Grand Prix Motosikal mahupun Formula Satu.

"Saya fikir harga tiket di Malaysia berpatutan berbanding di tempat saya, Perancis. Tapi agak menghairankan jumlah yang hadir tidak begitu ramai.

"Saya difahamkan ada kira-kira dua juta pengguna motosikal di Malaysia. Hairannya jumlah penonton yang datang menyaksikan perlumbaan hanya 18,000 orang," kata wartawan akhbar L'Equipe dari Perancis, Sophie Tutkovics.

SIC boleh mendabik dada dengan anugerah penganjur F1 terbaik tahun lalu tetapi syarikat itu harus mementingkan kualiti yang sentiasa menjadi ukuran kepada kejayaan terhadap sesuatu acara.

Mungkin juga promosi habis-habisan terhadap F1 di Malaysia menenggelamkan populariti perlumbaan motosikal ketika ini.

(END)